

## ULASAN SOALAN UPSR BAHASA MELAYU SJK 2018

### PENULISAN – Bahagian A

#### Jawapan dan Ulasan

- Soalan **membina ayat** berdasarkan **gambar tunggal – I gambar**.
- Tulis 5 ayat berdasarkan **aktiviti-aktiviti murid semasa mengemas bilik darjah**.
- 1 Amirul sedang **memadam** tulisan pada papan putih kerana sesi pembelajaran seterusnya akan bermula sebentar lagi.
- 2 Swee Ming **membersihkan** sampah yang bertaburan di atas lantai sebelum dimasukkan ke dalam pencedok menggunakan penyapu.
- 3 Jarjit dan Lim **menyusun** meja agar lebih teratur dan kemas.
- 4 Mastura **meletakkan** pasu bunga di atas meja guru sebagai hiasan untuk menceriakan kelas mereka.
- 5 Brenda sedang **menampal** notis pada papan kenyataan di belakang kelas agar rakan-rakannya boleh membaca maklumat dengan mudah.

*5 ayat contoh yang lain:*

- 6 Lee Ming sedang **membersihkan** kawasan papan tulis menggunakan penyapu habuk agar bersih dan tidak berdebu.
- 7 Ai Ling **menyapu** sampah di atas lantai agar kelas menjadi bersih dan kemas.
- 8 Darren **mengelap** cermin tingkap dengan kain basah untuk menghilangkan debu dan habuk kotor itu.
- 9 Siva **memerah** kain basah sebelum membantu rakannya membersihkan cermin tingkap bilik darjah mereka.
- 10 Osman **membantu** Raja mengangkat meja ke bahagian belakang kelas untuk memudahkan rakan mereka menyapu sampah.

### PENULISAN – Bahagian B

#### Jawapan dan Ulasan

- Soalan **menulis ulasan** berdasarkan poster.
- Tulis ulasan tentang **Majlis Ramah Mesra Taman Cahaya** dalam bentuk perenggan.
- Panjangnya ulasan hendaklah antara **40 hingga 70 patah perkataan**.

Poster tersebut menunjukkan maklumat tentang Majlis Ramah Mesra Taman Cahaya yang diadakan pada 6 Oktober 2018. Majlis anjuran persatuan penduduk setempat ini bermula pada pukul 8.00 pagi sehingga 4.00 petang di Padang Awam Taman Cahaya. Aktiviti yang diadakan ialah sukaneka dan pertandingan nyanyian untuk mengeratkan hubungan penduduk setempat. Selain itu, jemputan akan menikmati jamuan sambil berbual mesra sebelum acara cabutan bertuah. Semua penduduk dijemput untuk memeriahkan majlis sambil mengisi masa lapang pada hari Sabtu nanti.

**PENULISAN – Bahagian C**

| Soalan | Jawapan dan Ulasan  |
|--------|---|
| 1      | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Menulis karangan</b> berbentuk <b>cerita</b> berdasarkan maklumat yang diberi.</li> <li>• Karangan tersebut berkaitan <b>suasana pertandingan badminton peringkat daerah</b>.</li> <li>• Panjangnya karangan hendaklah antara <b>70 hingga 100 patah perkataan</b>.</li> </ul> <p>Pada minggu lepas, sekolah kami telah mengadakan pertandingan badminton peringkat daerah. Pertandingan ini telah disertai seluruh sekolah di daerah Marudi, Miri. Pasukan badminton sekolah kami turut terlibat.</p> <p>Pada sebelah pagi, suasana di sekolah mula riuh. Setiap pasukan badminton mula mendaftarkan penyertaan. Selepas setiap pasukan diberikan taklimat, pertandingan peringkat kumpulan terus dimulakan. Pasukan yang kalah akan tersingkir manakala pasukan yang menang akan ke pusingan seterusnya.</p> <p>Pertandingan badminton ini telah mendapat perhatian penduduk setempat. Mereka turut datang memberikan sokongan kepada pasukan sekolah. Mujurlah pasukan sekolah kami berjaya melayakkan diri ke pusingan akhir pertandingan. Pusingan akhir pertandingan diadakan pada sebelah petang bagi memberikan ruang kepada pasukan untuk berehat dan menikmati jamuan.</p> <p>Tepat pukul 2.30 petang, dewan tertutup Sekolah Kebangsaan Seri Setia mula dipenuhi penyokong. Pusingan akhir pertandingan badminton melibatkan pasukan dari Sekolah Kebangsaan Seri Setia yang akan ditentang oleh Sekolah Kebangsaan Lepong Emplas. Sebaik sahaja kedua-dua pasukan memasuki gelanggang, kedengaran sorakan penonton. Suasana di dalam dewan menjadi hingar-bingar. Penyokong kedua-dua pasukan masing-masing memberikan semangat kepada pemain yang akan beraksi.</p> <p>Kedua-dua pasukan mempamerkan aksi yang cukup bertenaga. Namun, sudah menjadi adat pertandingan. Pasti ada yang menang dan kalah. Pertandingan badminton ini telah dimenangi oleh pasukan tuan rumah. Acara terakhir pada hari tersebut ialah sesi penyampaian hadiah kepada para pemenang. Sesi bergambar sebagai kenangan telah menutup acara pada hari pertandingan badminton peringkat daerah tersebut.</p> |
| 2      | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Menulis karangan</b> berbentuk <b>catatan</b> berdasarkan maklumat yang diberi.</li> <li>• Karangan tersebut berkaitan <b>catatan ketika melawat satu tempat menarik bersama-sama keluarga semasa cuti sekolah</b>.</li> <li>• Panjangnya karangan hendaklah antara <b>70 hingga 100 patah perkataan</b>.</li> </ul> <p><b>Sabtu, 12 Jun 2018</b></p> <p><b>6.00 pagi</b></p> <p>Kami mengemas bekal yang disediakan oleh ibu ke dalam kereta. Ayah akan membawa kami melawat ke Taman Hidupan Liar Stapok.</p>   |

**7.00 pagi**

Kami mula bertolak menuju ke Stapok dengan menaiki kereta ayah. Ayah memandu dengan berhati-hati. Kami menikmati keindahan alam sepanjang perjalanan tersebut sambil berbual-bual.

**8.30 pagi**

Kami tiba di Pekan Stapok. Ayah membawa kami mengunjungi kawasan lapang berdekatan. Kami menikmati sarapan pagi di sana secara santai. Gembira rasanya bersarapan seperti ini. udaranya agak sejuk dan nyaman.

**9.15 pagi**

Kami meneruskan perjalanan menuju Taman Hidupan Liar Stapok. Kami terpaksa beratur panjang membeli tiket masuk. Saya tertarik melihat reka bentuk pintu gerbang menuju taman. Pintu gerbang itu dibina mengikut inspirasi hidupan liar yang terdapat di sana. Sementara menunggu ayah, kami mengambil gambar di bawah pintu gerbang itu sebagai kenangan.

**9.30 pagi**

Ayah berjaya mendapat tiket masuk ke taman walaupun orang begitu ramai. Pokok-pokok di sekitar taman amat rimbun. Cuaca dan persekitaran amat nyaman. Kami sekeluarga berjalan kaki mengikut peta taman yang diberikan oleh petugas kaunter tiket.

**10.00 pagi**

Kami mula melihat hidupan liar yang terdapat di taman ini. Saya berpeluang melihat hidupan liar seperti harimau, singa, gajah, zirafah serta banyak lagi. Setiap hidupan liar ini ditempatkan di dalam kawasan masing-masing. Maklumat setiap hidupan liar turut dipaparkan untuk dijadikan rujukan oleh pengunjung yang datang.

**12.00 tengah hari**

Kami tidak menyedari bahawa matahari mula meninggi. Dek terlalu leka ditambah cuaca sejuk sepanjang berjalan di taman. Ibu mengajak ayah berhenti rehat. Kami menuju ke kereta untuk mengambil bekalan yang dibawa. Ayah membentangkan tikar lalu kami menikmati makan tengah hari bersama.

**1.00 petang**

Kami bersiap-siap untuk pulang. Ayah memandu kereta meninggalkan pekan Stapok. Kami berbual di dalam kereta tentang spesies hidupan liar yang mendapat penjagaan rapi di taman itu tadi. Sambil memandu, ayah mencelah bahawa dia berjanji akan membawa kami ke sana lagi suatu hari nanti. Kami menjerit kegembiraan.